



**JABATAN LAUT MALAYSIA**  
Ibu Pejabat Laut  
Menara Dius Api  
PT 664, Jalan Limbungan  
42007 Pelabuhan Klang  
SELANGOR



Telefon : 03-3346 7777  
Faks. : 03-3168 5289  
Laman Web : [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)

Rujukan Kami : (22)dIm.IPL.2372  
Tarikh : 16 Mei 2025

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

### PERLAKSANAAN SISTEM MMSW DI PELABUHAN-PELABUHAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti yang tersebut di atas.

2. Seperti yang sedia maklum, Sistem *Malaysia Maritime Single Window* (MMSW) telah dilancarkan secara rasminya oleh Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 17 Februari 2025.
3. Sistem tersebut yang telah dilaksanakan di semua pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia untuk urusan ketibaan dan pelepasan kapal melalui portal digital merupakan keperluan mandatori *Convention on Facilitation of International Maritime Traffic 1965* (FAL Convention 1965) di bawah *International Maritime Organization* (IMO).
4. JLM merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk membimbing pelaksanaan MMSW di setiap pelabuhan yang tidak berada di bawah Lembaga Pelabuhan. Memandangkan urusan ketibaan dan pelepasan kapal melibatkan beberapa Agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan, beberapa sesi libat urus telah dijadualkan untuk memuktamadkan maklumat yang diperlukan dan aliran proses kerja melalui sistem secara efisien.
5. Sehubungan itu, merujuk kepada mesyuarat *Pre-Streering Committee* yang telah diadakan pada 13 Mei 2025, satu tarikh pelaksanaan secara rasmi iaitu pada **26 Mei 2025** telah ditetapkan bagi pelaksanaan dan perluasan kepada pelabuhan utama yang berada di bawah seliaan pejabat tuan selepas ianya berjaya dilaksanakan di Pejabat Laut Selangor dan Pejabat Laut Kemaman sebelum ini. Untuk makluman tuan, modul *arrival* telah dapat dilaksanakan secara *freedom* (seperti modul *departure*) iaitu tanpa menunggu kelulusan dari agensi lain terlebih dahulu (senarai peranan agensi pelulus lain).

6. Berikut merupakan Pejabat Pelabuhan di negeri terlibat dan senarai pelabuhan utama yang terlibat bagi pelaksanaan yang telah ditetapkan pada tarikh tersebut:

- 6.1. Perak (Pejabat Laut Lumut) -Lekir Bulk Terminal Sdn Bhd,Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd, Malayan Flour Mills Berhad dan Teluk Rubiah Maritime Terminal
- 6.2. Negeri Sembilan (Pejabat Laut Port Dickson) -Petron Refining & Marketing Berhad, Hengyuan Refining Company Bhd, Jeti Jimah Energy Ventures Sdn Bhd, Stesen Janakuasa Tuanku Mukhriz - Coal Unloading
- 6.3. Melaka (Pejabat Laut Melaka) -Pelabuhan Sg. Udang, Pelabuhan Kuala Linggi.

7. Pihak tuan adalah dipohon untuk memanjangkan pemakluman ini dengan segera kepada pelabuhan-pelabuhan di bawah seliaan tuan agar pelaksanaan tersebut dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(KAPTEN NAZRI BIN ABU HASSAN)**  
Timbalan Ketua Pengarah Perancangan (TK)  
b.p. Ketua Pengarah Laut  
Jabatan Laut Malaysia.

Edaran dalaman –

1. Ketua Pengarah Laut
2. Timbalan Ketua Pengarah Operasi
3. Pengarah Bahagian Pelabuhan, Logistik dan Perdagangan
4. Maritime Transport Security Officer (MTSO) Pejabat Laut Port Dickson
5. Maritime Transport Security Officer (MTSO) Pejabat Laut Melaka
6. Maritime Transport Security Officer (MTSO) Pejabat Laut Lumut

**SENARAI EDARAN:**

1. Pengarah JLM Wilayah Tengah
2. Pengarah JLM Wilayah Utara